

Headline Tabung Khas Ringan Beban Pesakit Jantung
Media Title Berita Harian
Date Saturday, 29 September 2018
Language Malay
Section Prihatin
Color Full Color
Page No 19

MAA MEDICARE CHARITABLE FOUNDATION

Tabung khas ringan beban pesakit jantung

Yayasan tampung sebahagian kos, percepat rawatan selamatkan nyawa

Oleh Osman Lisut
manlee@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kos rawatan penyakit jantung yang meningkat hingga membebankan terutama di hospital swasta menyebabkan mereka tidak dapat menjalani rawatan terbaik.

Prihatin keadaan itu, pihak pengurusan MAA Medicare Charitable Foundation mengambil inisiatif menawarkan pembiayaan bagi menampung sebahagian kos rawatan yang terpaksa ditanggung pesakit ketika menjalani rawatan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Aliyah Karen, berkata pembiayaan itu sebahagian daripada program tanggung jawab sosial yayasan berkenaan, terutama membabitkan pesakit dalam kalangan mereka yang kurang berkemampuan dan miskin.

Beliau berkata, pihaknya mengambil inisiatif mewujudkan MAA Medicare Heart Charity Fund atau

Tabung Kebajikan Jantung selepas kejayaan mereka menujuhan tabung untuk pesakit buah pinggang sejak 23 tahun lalu.

"Kami merasakan sudah tiba masanya pesakit jantung pula diberi perhatian selepas dikategorikan antara serangan pembunuhan utama rakyat negara ini.

Kos tinggi, tunggu lama

"Keadaan lebih membebangkan apabila kos rawatan ditanggung pesakit meningkat menyebabkan ramai tidak dapat menjalani rawatan sempurna. Kos lebih tinggi apabila mereka dirujuk ke pusat perubatan swasta," katanya.

"Jika dirujuk ke hospital kerajaan, pesakit menunggu terlalu lama semata-mata untuk mendapat tarikh janji temu pakar, sedangkan mereka perlu menjalani pemeriksaan segera," katanya kepada BH.

Aliyah berkata demikian ketika ditemui pada majlis pelancaran Pusat Rawatan dan Diagnostik Jantung di Wisma MAA-MEDICare, di sini, kelmarin. Yang turut hadir,

Aliyah (kiri) bersama Dr Dewi melawat K Moorthy ketika menerima rawatan di Wisma MAA Medicare, Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur.

pakar jantung Pusat Perubatan Gleneagles Kuala Lumpur, Dr Dewi Ramasamy.

Yayasan itu turut menempatkan pusat rawatan bagi membolehkan pesakit menjalani ujian serta rawatan awal sama ada menerusi janji temu mahupun datang terus.

Di pusat berkenaan disediakan kemudahan pemeriksaan awal kesihatan jantung menerusi prosedur elektrokardiogram (ECG), ujian kecergasan, ujian darah menyeluruh (FBC) selain imbasan ekokardiogram iaitu melihat jantung dan saluran darah berhampiran.

Bagi tujuan itu, Aliyah berkata, pihaknya mengadakan kerjasama pintar dengan Pusat Rawatan Gleneagles Ampang, Institut Jantung Negara (IJN), Pusat Perubatan Prince Court dan Pusat Perubatan Pantai.

Selain Dr Dewi, yayasan turut dibantu beberapa pakar antaranya Datuk Dr Ghandhiraj Somasundaram, Datuk Dr Devan Pillay, Dr Chong Wei Peng, Dr Nik Halmey Nik Zainal Abidin, Dr Peter Je-

baseelan Jesudason dan Dr Mohd Kamal Mohd Arshad.

Aliyah berkata, penubuhan yayasan ini diharap mendapat sokongan badan korporat dan orang ramai bertujuan membantu mengumpul dana.

Amal gaya hidup sihat

Buat masa ini beliau berkata, ada dua pesakit sudah dirujuk kepada MAA Medicare untuk dibantu sejak dua minggu lalu dengan terbaharu bekas penjaga gol skuad bola sepak Perak era 70an, K Moorthy, 63, bagi menjalani pemeriksaan angiogram.

"Sebelum ini beliau mendapat rawatan di Pusat Perubatan Gleneagles namun disebabkan kekangan kewangan kerana kos yang membebangkan, dia dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) sebelum dirujuk ke Hospital Serdang.

"Yayasan mengambilnya sebagai pesakit menjalani prosedur angiogram di bawah pengawasan Dr Dewi dan kos yang dikenakan jauh lebih rendah berbanding hospital

swasta, bayaran selebihnya ditanggung pihak yayasan," katanya.

Mengulas usaha mendapatkan kesihatan sempurna, Dr Dewi menasihatkan orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat dengan mengambil makanan seimbang.

Orang ramai juga kata beliau, perlu menjadikan pemeriksaan kesihatan sebagai rutin tahunan bagi memastikan kesihatan berada pada tahap terbaik.

Bila merasa badan kurang selesa seperti kesan kebas pada tangan dan kaki, sakit pada tengkuk, dada atau belakang mereka dinasihat segera berterima doktor.

"Individu yang mempunyai sejarah ahli keluarga menghidap sakit jantung, perlu sentiasa mengambil berat mengenai kesihatan kerana mereka berpotensi diserang penyakit ini."

"Hari ini ahli sukan yang aktif juga diserang sakit jantung, apakah lagi perokok tegar, berat badan berlebihan (obesiti) dan mereka yang kurang bersenam, risiko mereka diserang tinggi," katanya.

